

Zaitun kunjungi Pusat Pembelajaran Autisme UMSKAL

48 17.7.2018 BA

ISTERI Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abdul Samad iaitu Prof Dr Zaitun Abu Bakar telah mengadakan lawatan ke Pusat Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Jumaat. Beliau yang juga penaung

Puspanita Kementerian Wilayah Persekutuan diberi taklimat berkaitan pengurusan pusat itu oleh Pengerusi Pusat Autisme Labuan Shaffry Mohd Sarif.

Turut hadir, Pengerusi Puspanita KWP Datuk Aslinah Mohd Ariffin dan Pengerusi Puspanita

Labuan Datin Nuraini Mohammed Hanafiah.

Pada majlis itu, Puspanita turut menyumbangkan set peralatan mewarna untuk 30 kanak-kanak autisme.

Shaffry mengucapkan terima kasih atas kunjungan rombongan isteri Menteri Wilayah

Persekutuan dan Puspanita Labuan ke Pusat Autisme UMSKAL.

Beliau yakin menerusi kunjungan itu, lebih banyak pihak khususnya di KWP mengetahui kewujudan Pusat Autisme Labuan yang terletak di UMS Labuan.

"Pusat Autisme Labuan



ZAITUN (kanan) mendengar taklimat mengenai Pusat Autisme UMSKAL daripada Shaffry.

yang terletak di UMSKAL sentiasa mengalu-alukan kunjungan dan sokongan daripada pelbagai pihak sekaligus sebagai tanda kasih sayang terhadap kanak-kanak autisme," katanya.

Shaffry tidak lupa mengucapkan terima kasih

kepada pengurusan UMS dan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik yang banyak memberikan bantuan dan sokongan moral dan kewangan kepada pusat berkenaan.

Ia merupakan kunjungan kali pertama Menteri

Wilayah Persekutuan ke Labuan bersama isteri sejak dilantik sebagai menteri.

Terdahulu, Zaitun telah menghadiri majlis suaikenal bersama AJK Puspanita Labuan yang diadakan Menara Perbadanan Labuan.



ZAITUN (empat kanan) bersama AJK Puspanita Labuan.